



**JOURNAL OF TOURISM,  
HOSPITALITY AND  
ENVIRONMENT MANAGEMENT  
(JTHEM)**  
[www.jthem.com](http://www.jthem.com)



## **AGROPELANCONGAN PERIKANAN AIR TAWAR DI TASIK GUBIR SIK KEDAH: DARI PENGALAMAN PELANCONG**

### ***FRESHWATER FISHERIES AGROTOURISM IN TASIK GUBIR, SIK KEDAH: EXPERIENCE FROM TOURISTS***

Salmah Omar<sup>1\*</sup>, Zawiyah Mohd Zain<sup>2</sup>, Nor Hanani Ismail<sup>3</sup>, Zulhilmi Paidi<sup>4</sup>, Mohamad Khadafi Hj. Rofie<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM  
Email: salmahomar@uum.edu.my; Tel: 6017-3095132

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Kerajaan, UUM  
Email: zmzain@uum.edu.my; Tel: 6012-5342416

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM  
Email: norhanani@uum.edu.my; Tel: 6017-2825409

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM  
Email: zul1078@uum.edu.my; Tel: 6013-4699418

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM  
Email: khadafi@uum.edu.my; Tel: 6019-4341010

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 21.06.2023

Published date: 27.06.2023

##### **To cite this document:**

Omar, S., Zain, Z. M., Ismail, N. H., Paidi, Z., Hj. Rofie, M. K. (2023). Agropelancongan Perikanan Air Tawar Di Tasik Gubir Sik Kedah: Dari Pengalaman Pelancong. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 8 (32), 99-116.

**DOI:** 10.35631/JTHEM.832008.

#### **Abstrak:**

Negeri Kedah mempunyai banyak kawasan semula jadi yang berpotensi sebagai kawasan pelancongan. Walaupun banyak kawasan yang cantik dan menarik namun, tidak banyak kajian yang dilakukan untuk mempopularkan kawasan tersebut menyebabkan ia kurang dikenali ramai dan jarang dikunjungi oleh pelancong terutama luar negeri Kedah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi agropelancongan dan meneroka keindahan semula jadi Tasik Gubir yang terdapat di tempat tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 100 orang pelancong yang berkunjung ke Tasik Gubir pada 1 hingga 30 Julai 2022 dan temu bual bersama pelancong. Dapatan kajian menunjukkan dua faktor utama tarikan ialah dari segi aktiviti perikanan air tawar dan hidangan makanan. Terdapat dua kategori pertama mereka yang mempunyai lesen dan menangkap ikan secara komersial dan kedua pelancong dan orang awam yang datang untuk memancing. Aktiviti memancing menjadi tarikan utama kepada kaki pancing kerana jumlah ikan yang banyak disebabkan tasik yang tidak tercemar. Tasik Gubir bukan sahaja terkenal kerana keindahan semula jadinya, malah menjadi daya tarikan baru kepada

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



pelancong yang datang untuk menikmati hidangan ikan tawar. Faktor hidangan makanan pula adalah kerana di sini terdapat gerai yang menyediakan hidangan air tawar hasil daripada Tasik Gubir yang dihidangkan secara segar dengan pelbagai jenis masakan tempatan. Oleh itu, dicadangkan pihak kerajaan negeri mengambil inisiatif untuk mengekalkan ekosistem dan menonjolkan lebih banyak aktiviti dan makanan tempatan di sekitar Tasik Gubir. Kajian ini memberi sumbangan untuk meningkatkan aktiviti pelancongan di negeri Kedah seterusnya membantu penjanaan ekonomi masyarakat setempat iaitu Sik.

#### Kata Kunci:

Agropelancongan, pelancong, Tasik Gubir, Sik Kedah

#### Abstract:

The state of Kedah has many natural areas that have the potential to become tourist areas. Although there are many beautiful and fascinating areas, not much research has been done to popularize them, causing them to be less well-known and rarely visited by tourists, especially outside of Kedah. This study aims to identify the potential of agrotourism and explore the natural beauty of Tasik Gubir (Lake Gubir). This study used quantitative and qualitative methods. Data were obtained through questionnaires that were randomly distributed to 100 tourists who visited Tasik Gubir from 1 to 30 July 2022, as well as interviews with the tourists. This study revealed Tasik Gubir has two main attractions, namely freshwater fishing activities and food. In terms of freshwater fishing, there are two categories of participants. First, those who have a license and fish commercially. Next, tourists and locals who come to fish for leisure. Fishing activity is the main attraction for anglers because of the large number of fish due to the unpolluted lake. Tasik Gubir is not only famous for its natural beauty but has become a new attraction for tourists who enjoy freshwater fish dishes. Several stalls prepare fresh dishes from Tasik Gubir that are served hot with a variety of local cuisine. Therefore, it is suggested that the state government take the initiative to maintain the ecosystem and highlight more local activities and food around Tasik Gubir. This study contributes to increasing tourism activities in Kedah and further helps the local community, namely Sik, to generate their economy.

#### Keywords:

Agrotourism, tourists, Tasik Gubir, Sik Kedah

## Pengenalan

Industri pelancongan di Malaysia semakin berkembang sejak tahun 2000, sepetimana yang ditunjukkan melalui peningkatan pendapatan dan jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia. Kini industri pelancongan menjadi salah satu pemangkin kepada pertumbuhan dan penyumbang utama kepada KDNK. Dalam tempoh 2000 sehingga 2009, jumlah kedatangan pelancong meningkat daripada 10.2 juta kepada 23.6 juta iaitu peningkatan sebanyak 131%. Jumlah pendapatan daripada industri pelancongan turut meningkat daripada RM17 bilion kepada RM53 bilion dalam tempoh yang sama (Kementerian Pelancongan).

Pada tahun 2015, sumbangan industri pelancongan dianggarkan meningkat sebanyak 117% dan menyumbang pendapatan sebanyak RM115 bilion serta menyediakan 2 juta peluang pekerjaan. Perkembangan ini akan turut memberikan kesan positif kepada industri

agropelancongan di negara ini. Ketibaan pelancong ke pusat agropelancongan negara diunjurkan meningkat daripada 1.5 juta pada tahun 2010 kepada 6 juta pelancong pada tahun 2020 (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani).

Fokus negara kepada pembangunan aktiviti pertanian telah membuka lembaran baru bagi sektor pelancongan khususnya aktiviti agropelancongan. Agropelancongan merupakan aktiviti pelancongan berkaitan sektor pertanian berasaskan tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dalam agropelancongan ialah lawatan ke dusun buah-buahan dan ladang ternakan, pusat pertanian dan penyelidikan, homestay dan sebagainya. Pengalaman agropelancongan juga dapat mengubah corak perbelanjaan pengguna dalam kategori makanan seperti bijirin, sayuran, daging dan ikan (Sumin Kim et.al, 2019).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi agropelancongan berkaitan perikanan ikan air tawar dan meneroka keindahan semula jadi Tasik Gubir yang terdapat di tempat tersebut.

### **Skop Kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan aktiviti perikanan ikan air tawar dan kemudahan yang terdapat di Tasik Gubir Sik Kedah.

### **Lokasi**

Kajian ini dilakukan di Tasik Gubir, iaitu tasik yang terletak di daerah Sik, Kedah. Daerah Sik merupakan daerah yang terbesar di Kedah. Kedudukan Daerah Sik adalah bersempadan dengan Negara Thailand di bahagian timur laut dan utara, Daerah Baling di bahagian timur dan selatan, Daerah Kuala Muda di bahagian barat daya, Daerah Pendang dan Padang Terap di bahagian barat laut. Daerah sik mempunyai keluasan kawasan yang berjumlah 166,793.67 hektar dan terdiri daripada 4 mukim iaitu Mukim Sik, Mukim Jeneri, Mukim Sok dan Mukim Telo. Bilangan penduduk di seluruh Daerah Sik pada tahun 2020 adalah seramai 78. 2 ribu orang. Kategori guna tanah terbesar bagi daerah Sik adalah perhutanan yang meliputi kawasan seluas 123,619.61 hektar iaitu 74.89%. Kebanyakan kawasan hutan ini berada di bahagian barat laut daerah. Sik merupakan daerah yang unik masih lagi mempunyai kawasan hutan lipur dan rekreasi yang banyak dan terpelihara. Sik juga merupakan kawasan yang kaya dengan keindahan flora dan fauna. Selain itu, kategori guna tanah kedua terbesar ialah guna tanah pertanian yang berkeluasan 31,259.83 hektar iaitu 18.74% daripada keseluruhan daerah Sik. (Laman web Majlis Daerah Sik). Secara keseluruhan, daerah Sik masih lagi daerah pertanian. Daerah Sik mempunyai banyak elemen agropelancongan dan berpotensi untuk berkembang maju sebagai pusat agropelancongan di negeri Kedah.

### **Metodologi**

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Data diperolehi dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 100 orang responden yang dipilih secara rawak di Tasik Gubir iaitu dari 1- 30 Julai 2022. Dalam kajian ini, terdapat tiga faktor yang dijadikan pembolehubah untuk mengenal pasti potensi agropelancongan perikanan setempat. Antara faktor yang diukur ialah faktor aktiviti pelancongan, faktor tempat makan, faktor kemudahan awam dan cadangan responden. Data yang diperoleh dianalisis melalui kaedah SPSS. Manakala kualitatif menggunakan pemerhatian dan temu bual bersama informan. Kedua-dua cara ini untuk menghasilkan analisis deskriptif.

## Sorotan Kajian

Menurut Siti Salina Masdey dan Zuliskandar Ramli (2018), pelancongan merujuk kepada aktiviti mengembara, melancang, atau melawat ke sesuatu tempat yang melebihi lima puluh batu dari tempat kediaman dalam jangka masa pendek bagi tujuan mengisi masa lapang atau rekreasi. Pelancongan juga sesuatu hubungan dan sesuatu fenomena yang wujud daripada perjalanan bukan pemastautin. Seseorang yang mempunyai minat terhadap kepentingan warisan sejarah seperti pencinta sejarah, ahli arkeologi, institusi dan organisasi kebiasaannya mengunjungi destinasi pelancongan warisan.

Pendekatan teori pelancongan berdasarkan kepada komuniti atau *Community Base Tourism* (CBT) mendefinisikan bahawa CBT adalah satu bentuk sokongan atau budaya saling membantu dan unit sosial sebagai satu ahli masyarakat dalam sesuatu kampung atau kelompok yang saling menyokong antara satu sama lain (Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon, 2021).

Farrah Wahida Mustafar & et. al. (2020) juga berpendapat bahawa satu-satu kawasan pelancongan dapat dipromosikan oleh kebudayaan masyarakat setempat. Pelancong dapat menimba pengalaman dari lawatan pelancongan mereka yang terdedah dengan elemen kebudayaan setempat ini sebagai contoh di Malaysia, pelancong sering memilih untuk melancong ke Pulau Langkawi, Melaka, dan Pulau Pinang kerana lokasi tersebut mempunyai persembahan tradisional masyarakat setempat, pameran kraftangan, dan makanan tempatan. Tarikan budaya merupakan salah satu tarikan pelancongan yang lazim digunakan dimana ia berdasarkan kegiatan manusia seperti budaya, tapak arkeologi, tapak bersejarah termasuk monumen dan rumah ibadah, pola budaya yang berbeza yang antaranya merangkumi adat pakaian dan cara hidup serta keramahan penduduk. Selain itu, perkhidmatan dan kemudahan pelancongan seperti restoran, surau, bank perkhidmatan tukaran wang asing, polis, dan sebagainya adalah faktor penting dalam pelancongan untuk menarik pelancong tinggal lebih lama ketika melakukan lawatan kunjungan. Kajian yang dibuat oleh Zulayti Zakaria dan Ang Kean Hua (2022) mengenai usaha memaparkan produk berdasarkan ciri-ciri budaya Melayu dalam sektor pelancongan adalah sangat bersesuaian dan bertepatan dengan pelancongan bersifat budaya.

Mohd Takiyuddin bin Ibrahim & et. al. (2020) menjelaskan salah satu sumber pendapatan ekonomi negara adalah sektor pelancongan. Menurut Mohd Takiyuddin bin Ibrahim & et. al. (2020), Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaiannya biologi. 11.6 peratus daripada tanah negara masih lagi asli sementara lebih kurang 59 hingga 70 peratus terdiri dari hutan hujan tropika. Selepas Indonesia (3,062,000 hektar), Australia (1,451,000 hektar), Brazil (1,012,000 hektar), Nigeria (997,700 hektar) dan Mexico (882,000 hektar), Malaysia menduduki tempat keenam di dunia yang memiliki lebih 564,900 hektar hutan bakau. Tambahan lagi, Malaysia turut mempunyai lebih daripada 15,500 spesies tumbuhan tinggi, 740 spesies burung, 190 spesies amfibia, 360 spesies ikan, dan 380 spesies reptilian. Malaysia juga terdapat lebih daripada 285 spesies mamalia dengan 51 spesies terancam dan 27 spesies endemik.

Tarikan pelancongan yang lazim digunakan ialah tarikan semula jadi yang berdasarkan persekitaran semula jadi seperti kawasan pantai dan laut untuk aktiviti rekreasi air, iklim yang pelbagai negara di dunia, tanaman sawah padi, flora dan fauna yang menarik dan luar biasa, kawasan gua, pergunungan, dan mata air panas. Pelancong tempatan dan antarabangsa

berminat terhadap destinasi pelancongan bercirikan ekopelancongan seperti Gunung Tampin dan Gua Batu Maloi yang terletak di Negeri Sembilan kerana mempunyai ciri istimewa iaitu kawasan hutan lipur, kawasan air terjun, dan gua berbatu sangat unik (Farrah Wahida Mustafar & et. al., 2020).

Manakala Haliza Abdul Rahman (2018) menjelaskan bahawa pelancongan Islam adalah merupakan satu ibadah yang mana ia perlu dilakukan dengan niat yang baik dan tidak melibatkan perkara yang dilarang. Pelancongan Islam juga mempunyai ciri-ciri tambahan seperti mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan dan merupakan satu segmen dalam aliran industri pelancongan utama. Ia bermakna setiap rancangan atau aktiviti yang diadakan haruslah berladaskan syariah atau dijalakan bersesuaian untuk umat Islam. Perbezaan yang ketara antara pelancongan komersial dan pelancongan Islam adalah suatu aspek yang penting dalam perbincangan tentang konsep pelancongan Islam. Pada umumnya, pelancongan Islam meletakkan keredhaan Allah sebagai matlamat utama berbanding pelancongan komersial yang lebih mengutamakan keuntungan serta kepuasan pelanggan. Menurut Balqis Ibrahim dan et. al. (2019), Islam bukan hanya melihat kepada kawasan setempat sahaja malah Islam merupakan agama yang menggalakkan umatnya agar sentiasa melihat kepada dunia luar. Ekoran daripada itu, agama Islam sangat menggalakkan aktiviti permusafiran, pengembaraan atau pelancongan kerana aktiviti-aktiviti ini dapat membuat manusia untuk melihat keindahan alam dan merenung anugerah kejadian yang telah diciptakan oleh Yang Maha Esa serta mendekatkan lagi manusia itu kepada penciptaNya. Perkara yang perlu dititikberatkan dalam pelancongan Islam ialah penginapan mesra alam, makanan halal, dan aktiviti yang tidak melanggar syarak.

Konsep agropelancongan telah lama diperkenalkan di negara-negara di seluruh dunia. Agropelancongan merupakan satu konsep pelancongan yang menawarkan pelancong dengan pelbagai aktiviti luar bandar seperti lawatan ke dusun buah-buah dan ladang ternakan, penyelidikan, rekreasi dan riadah. Pelancong juga berpeluang untuk tinggal di chalet atau menginap di desa dan melakukan aktiviti-aktiviti harian masyarakat luar bandar. Agropelancongan adalah bentuk pelancongan yang memanfaatkan budaya luar bandar sebagai tarikan pelancong.

Agropelancongan atau erti kata lain hubungan antara pertanian dan pelancongan dapat diperlihatkan dari segi bagaimana kombinasi bidang pertanian dan pelancongan mampu bergerak seiringan dalam global semasa. Kombinasi ini dapat memberi impak positif kepada ekonomi, sosial, dan komoditi selain dari membawa keuntungan dan pelancong masuk ke kawasan pertanian tersebut (Rosniza Aznie Che Rose & Mohamad Afendi AR, 2017).

Agropelancongan ini dilihat sangat berpotensi untuk menarik pelancong ke negara kita. Pusat agropelancongan popular di Malaysia ialah: MAEPS Agro Tourism Park, Serdang, Selangor. Taman Botani Negara Shah Alam, (TBNSA). Ladang Nipah Kipli, Kuala Sangklang Perlis. Taman Agro Teknologi MARDI Langkawi, Kedah. Chalet Terapung PPK Merbok, Kedah. Pusat Memproses Madu Lebah FAMA, Kuala Nerang, Kedah Ladang Mempelam MOA Inc., Tobiari, Pendang, Kedah. Taman Agro Teknologi MARDI Cameron Highlands, Pahang. Pusat Penerangan dan Santuari Penyu Cherating, Pahang. Peladang Setiu Agrotourism & Resort, Terengganu. Taman Pertanian Sabah, Sabah. Manakala Produk Agropelancongan (AP) terdiri daripada agropelancongan yang berasaskan warisan agro/ berasaskan ladang atau kilang seperti ladang warisan, taman botani/taman laut, ladang tanaman/ternakan/akuakultur, lawatan /

aktiviti ladang dan pemprosesan agro. Agropelancongan berasaskan perdagangan pertanian seperti hasil, kraftangan, pengeksploitasi kebermusiman hasil, lelongan di CC/DC dan Kompleks Pendaratan. Agropelancongan berasaskan kulinari seperti masakan tradisional negeri /etnik. Agropelancongan berasaskan komuniti etnik dan keagamaan gawai, Pesta Ikan Tapah (Pekan Pantu, Sarawak), masakan tradisional negeri/etnik. Agropelancongan berasaskan kesihatan dan kesejahteraan seperti spa, rawatan alternatif seperti spa ikan, bekam lintah dan sebagainya. MICE Agro-makanan acara khusus (MAHA, HPPNK) dan acara perayaan. (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani).

Antara kajian berkaitan produk agropelancongan yang telah dibuat kajian ialah oleh Najwa Musain Musli & Jabil Mapjabil (2020) mengenai perusahaan kopi di Tenom Sabah. Kajian mendapati bahawa agropelancongan kopi Tenom mengalami kekurangan variasi dari segi produk makanan yang berasaskan kopi. Ketiadaan variasi dalam sesuatu produk menimbulkan rasa bosan dan kurang menarik terhadap pengunjung. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar agropelancongan kopi Tenom dapat mempelbagaikan lagi variasi produk kopi agar pengunjung boleh mencapai kepuasan dalam menikmati pengalaman mereka. Kajian ini menunjukkan masih banyak kajian lanjut yang perlu dilakukan terhadap agropelancongan kopi Tenom bagi memperbaiki aktiviti dan penghasilan produk sedia ada.

Selain itu menurut Salmah et. al (2022), produk agropelancongan yang berpotensi berkembang di daerah Sik Kedah ini ialah agropelancongan berasaskan kulinari atau makanan. Antara pengusaha ikan pekasam yang terkenal ialah Mak Long Hatiah dari Kg, Keda, Kota Aur, Sik. Mak Long Hatiah mengusahakan ikan pekasam dari jenis ikan air tawar sejak enam tahun lepas. Sumber ikan air tawar yang diperoleh oleh Mak Long Hatiah ialah daripada nelayan ikan air tawar di Empangan Muda Gubir. Kebiasaannya Mak Long akan membeli ikan yang sudah siap disiang di pengkalan supaya kesegaran ikan tersebut terpelihara. Sebanyak 100kg ikan diproses untuk satu-satu masa tertentu. Jenis ikan yang biasa dijadikan pekasam ialah ikan pucuk, pisang, ikan ubi/ketutu dan ikan putih. Mak Long Hatiah mempunyai pelanggan tetap dari sekitar Sik, Sungai Petani dan Pulau Pinang. Kebiasaannya, pemborong akan datang sendiri untuk mengambil ikan pekasam yang sudah siap dibungkus dengan baik. Maklumat perusahaan ini tidak disebarluaskan menerusi media sosial, sekadar kenalan dan pelanggan tetap yang sedia ada. Mak Long berhasrat untuk membesarakan perusahaan ini dengan membina sebuah bengkel operasi. Sekaligus berupaya menampung permintaan yang tinggi dari pelanggan tetap.

Berdasarkan kajian di Polland percutian dalam negara dihabiskan di kawasan agro pelancongan, yang mana merupakan pilihan terbaik selepas era pandemik COVID-19. Ini kerana agropelancongan adalah bentuk pelancongan dalam kumpulan kecil (non-mass tourism). Pelancong menghabiskan masa di kawasan semula jadi dalam saiz yang kecil biasanya terletak jauh dari penempatan masyarakat. Responden berpendapatan selain daripada kawasan agropelancongan menawarkan ciri-ciri asas seperti harga yang berpatutan, kawasan yang aman dan selamat pelancongan dalam skala yang kecil dapat mengurangkan risiko terdedah kepada penyakit COVID-19 (Wojcieszak-Zbierska, et al., 2020).

## Dapatan Kajian

### *Ciri Demografi Pelancong*

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan secara ringkas taburan kekerapan dan peratusan beberapa ciri-ciri demografi responden. Profil demografi bagi 100 responden dikumpulkan untuk memberi gambaran umum yang jelas mengenai agihan responden mengikut ciri-ciri seperti negeri, daerah di Kedah, jantina, umur, status perkahwinan, pekerjaan dan pendapatan bulanan. Ciri-ciri ini dimasukkan untuk memberi maklumat profil demografi sampel. Dalam data taburan kekerapan dan peratusan di bawah mendapat data yang sah adalah 100 yang mewakili 100 peratus (%) dan tidak mempunyai nilai yang hilang.

### *Negeri Responden*

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut negeri. Berdasarkan hasil dapatan kajian terhadap negeri responden, jumlah responden dari Kedah adalah melebihi responden dari negeri lain iaitu seramai 89 (89%) orang. Kemudian diikuti oleh responden yang berasal dari Pulau Pinang seramai 6 (6%) orang. Manakala responden dari Perak dan Perlis hanyalah sebilangan kecil sahaja iaitu masing-masing mencatat sebanyak 3 (3%) dan 2 (2%) orang responden.

**Jadual 1: Negeri Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kedah	89	89.0
Pulau Pinang	6	6.0
Perak	3	3.0
Perlis	2	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

### *Daerah Responden*

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut daerah di negeri Kedah. Berdasarkan hasil dapatan kajian daerah responden di Kedah, jumlah responden di daerah Kulim adalah melebihi responden di daerah lain iaitu seramai 21 (21%) orang. Kemudian diikuti oleh responden dari daerah Sik iaitu seramai 17 (17%) orang, daerah Baling seramai 11 (11%) orang dan Kuala Nerang seramai 10 (10%) orang responden. Selain itu, responden dari daerah Sungai Petani seramai 8 (8%) orang, Alor Setar seramai 7 (7%) orang dan Pokok Sena iaitu seramai 4 (4%) orang responden. Manakala responden dari Pendang dan Jitra, masing-masing mempunyai bilangan yang sama iaitu seramai 3 (3%) orang. Bagi daerah Kuala Kedah dan Gurun juga memperolehi jumlah responden yang sama iaitu masing-masing seramai 2 (2%) orang responden. Manakala bagi daerah Kuala Muda pula hanya seorang (1%) responden.

**Jadual 2: Daerah Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kulim	21	21.0
Sik	17	17.0
Baling	11	11.0
Kuala Nerang	10	10.0
Sungai Petani	8	8.0

Alor Setar	7	7.0
Pokok Sena	4	4.0
Pendang	3	3.0
Jitra	3	3.0
Kuala Kedah	2	2.0
Gurun	2	2.0
Kuala Kedah	1	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>89</b>	<b>89.0</b>

### ***Jantina Responden***

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Berdasarkan hasil dapatan kajian terhadap jantina responden, jumlah responden lelaki adalah melebihi responden perempuan iaitu perempuan adalah seramai 25 (25%) orang, manakala lelaki sebanyak 75 (75%) orang responden.

**Jadual 3: Jantina Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	75	75.0
Perempuan	25	25.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

### ***Umur Responden***

Jadual 4 menunjukkan taburan umur responden. Dari segi umur, hasil dapatan kajian menunjukkan lingkungan umur 36 hingga 40 tahun mencatatkan jumlah yang paling ramai iaitu sebanyak 21 (21%) orang responden. Kemudian diikuti dengan lingkungan umur 31 hingga 35 tahun yang mencatat sebanyak 16 (16%) orang responden. Bagi responden yang berumur 25 tahun dan ke bawah serta 26 hingga 30 tahun, masing-masing memperolehi jumlah yang sama iaitu seramai 14 (14%) orang responden. Manakala bagi lingkungan umur 41 hingga 45 tahun dan lingkungan umur 51 tahun dan ke atas hanyalah sebilangan kecil sahaja iaitu masing-masing mencatat jumlah yang sama iaitu seramai 13 (13%) orang responden. Kategori responden berumur 46 hingga 50 tahun adalah yang paling sedikit iaitu seramai 9 (9%) orang responden.

**Jadual 4: Umur Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
25 tahun dan ke bawah	14	14.0
26 – 30 tahun	14	14.0
31 – 35 tahun	16	16.0
36 – 40 tahun	21	21.0
41 – 45 tahun	13	13.0
46 – 50 tahun	9	9.0
51 tahun dan ke atas	13	13.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

***Status Perkahwinan Responden***

Taburan status perkahwinan responden ditunjukkan di dalam Jadual 5. Majoriti responden dalam kajian ini adalah dalam kalangan responden yang berkahwin iaitu seramai 79 (79%) orang. Kemudian diikuti oleh responden bujang iaitu seramai 20 (20%) orang dan seorang (1%) responden yang mewakili status duda atau janda.

**Jadual 5: Status Perkahwinan Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bujang	20	20.0
Berkahwin	79	79.0
Duda/Janda	1	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

***Pekerjaan Responden***

Taburan pekerjaan responden ditunjukkan di dalam Jadual 6. Majoriti responden dalam kajian ini adalah dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri iaitu seramai 42 (42%) orang. Kemudian diikuti oleh responden kakitangan kerajaan iaitu seramai 32 (32%) orang dan responden yang bekerja dalam bidang swasta seramai 26 (26%) orang.

**Jadual 6: Pekerjaan Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Kakitangan Kerajaan	32	32.0
Swasta	26	26.0
Bekerja sendiri	42	42.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

***Pendapatan Responden***

Taburan pendapatan bulanan responden ditunjukkan di dalam Jadual 7. Majoriti responden dalam kajian ini adalah dalam kalangan mereka yang berpendapatan bulanan antara RM1001 hingga RM4000 iaitu seramai 63 (63%) orang. Kemudian diikuti oleh responden berpendapatan bulanan antara RM1000 dan ke bawah iaitu seramai 16 (16%) orang. Responden yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM4001 hingga RM8000 adalah seramai 14 (14%) orang. Manakala responden yang berpendapatan antara RM8001 hingga RM10000 adalah seramai 5 (5%) orang dan responden berpendapatan bulanan antara RM12001 hingga RM14000 ialah seramai 2 (2%) orang.

**Jadual 7: Pendapatan Responden**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
RM1,000 dan ke bawah	16	16.0
RM1001 – RM4000	63	63.0
RM4001 – RM8000	14	14.0
RM8001 – RM10000	5	5.0
RM12001 – RM14000	2	2.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

### **Analisis Min dan Sisihan Piawaian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga faktor yang dijadikan pembolehubah untuk mengenal pasti potensi agropelancongan perikanan setempat. Antara faktor yang diukur ialah faktor aktiviti pelancongan, faktor tempat makan dan faktor kemudahan awam.

#### **Faktor Aktiviti Pelancongan**

Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawaian bagi pembolehubah faktor aktiviti pelancongan. Dalam kajian ini, faktor aktiviti pelancongan diukur oleh enam item. Ringkasnya, lima daripada enam item tersebut mempunyai tahap min yang tinggi, manakala satu item berada pada tahap min sederhana. Hasil ujian analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min tertinggi ialah 4.61 iaitu item “melihat pemandangan”. Manakala nilai min terendah sebanyak 3.54 mewakili item “mendaki”. Secara keseluruhannya, jumlah purata min menunjukkan nilai 4.08 iaitu faktor aktiviti pelancongan berada pada kedudukan kedua berbanding pembolehubah yang lain dengan tahap min yang tinggi.

**Jadual 8: Faktor Aktiviti Pelancongan**

<b>Faktor Aktiviti Pelancongan (6 Item)</b>				
<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Kedudukan</b>	<b>Tahap Min</b>
Keunikan pengalaman	4.27	.814	3	Tinggi
Mendaki	3.54	.783	6	Sederhana
Melihat pemandangan	4.61	.633	1	Tinggi
Pengetahuan/ Pendidikan	3.94	.801	4	Tinggi
Memancing	4.42	.793	2	Tinggi
Berkayak	3.72	.829	5	Tinggi
<b>Jumlah Purata Min</b>	<b>4.08</b>	<b>.526</b>	<b>3</b>	<b>Tinggi</b>

#### **Faktor Tempat Makan**

Jadual 9 menunjukkan skor min dan sisihan piawaian bagi pembolehubah faktor tempat makan. Dalam kajian ini, faktor tempat makan diukur oleh 5 item. Ringkasnya, kelima-lima item mempunyai tahap min yang tinggi. Hasil ujian analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min tertinggi ialah 4.46 iaitu item “rasa”. Manakala nilai min terendah sebanyak 4.12 mewakili item “kepelbagaian”. Secara keseluruhannya, jumlah purata min menunjukkan nilai 4.26 iaitu faktor tempat makan berada pada kedudukan pertama berbanding pembolehubah yang lain dengan tahap min yang tinggi.

**Jadual 9: Faktor Tempat Makan**

<b>Faktor Tempat Makan (5 Item)</b>				
<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Kedudukan</b>	<b>Tahap Min</b>
Rasa	4.46	.673	1	Tinggi
Kepelbagaian	4.12	.782	5	Tinggi
Harga	4.16	.787	4	Tinggi
Cara Pengendalian	4.22	.704	3	Tinggi
Keunikan makanan di sini	4.36	.718	2	Tinggi
<b>Jumlah Purata Min</b>	<b>4.26</b>	<b>.588</b>	<b>1</b>	<b>Tinggi</b>

### **Faktor Kemudahan Awam**

Jadual 10 menunjukkan skor min dan sisihan piawaian bagi pembolehubah faktor kemudahan awam. Dalam kajian ini, faktor kemudahan awam diukur oleh 11 item. Ringkasnya, tujuh daripada sebelas item tersebut mempunyai tahap min yang tinggi, manakala empat item berada pada tahap min sederhana. Hasil ujian analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min tertinggi ialah 4.15 iaitu item “gerai makan”. Manakala nilai min terendah sebanyak 2.57 mewakili item “jaringan komunikasi (internet dan talian telefon)”. Secara keseluruhannya, jumlah purata min menunjukkan nilai 3.43 iaitu faktor kemudahan awam berada pada kedudukan ketiga berbanding pembolehubah yang lain dengan tahap min yang sederhana.

**Jadual 10: Faktor Kemudahan Awam**

Item	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan	Tahap Min
Tandas awam	3.82	1.122	4	Tinggi
Gerai makan	4.15	.701	1	Tinggi
Surau	4.04	.973	2	Tinggi
Tempat letak kereta	3.39	1.081	6	Sederhana
Bot/ sampan	3.88	.844	3	Tinggi
Kedai cenderahati	2.98	.681	9	Sederhana
Bangku/ pondok rehat	3.68	.993	5	Tinggi
Tong sampah	2.69	1.134	10	Sederhana
Penginapan	3.33	.697	7	Tinggi
Jaringan komunikasi (internet dan talian telefon)	2.57	1.056	11	Sederhana
Maklumat untuk pelancong	3.29	.977	8	Tinggi
<b>Jumlah Purata Min</b>	<b>3.43</b>	<b>.566</b>	<b>6</b>	<b>Sederhana</b>

### **Analisis Frekuensi**

Analisis frekuensi digunakan untuk menerangkan secara ringkas taburan kekerapan dan peratusan untuk Bahagian C dalam soal selidik iaitu pandangan berkaitan pelancongan di Tasik Gubir.

### **Pandangan/Cadangan**

Berdasarkan jadual 11 menunjukkan item jawapan berkaitan dengan pandangan/cadangan yang diberikan oleh responden dalam kajian ini. Bagi soalan pandangan/cadangan ini, jawapan yang paling banyak diberikan oleh responden ialah berkaitan dengan “menyediakan aktiviti sukan air” iaitu seramai 19 (19%) orang. Kemudian diikuti oleh jawapan “tingkatkan rangkaian internet dan telekomunikasi” iaitu seramai 18 (18%) orang. Jawapan ketiga tertinggi berkaitan pandangan/cadangan pula ialah “perbanyakkan gerai makanan” iaitu seramai 13 (13%) orang responden.

**Jadual 11: Pandangan/Cadangan**

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Bekalan elektrik di surau perlu dibaiki.	2	2.0
Landskap yang menarik.	1	1.0

Memastikan tandas dalam keadaan bersih.	2	2.0
Mempelbagaikan aktiviti rekreasi.	6	6.0
Memperbanyakkan promosi.	11	11.0
Menyediakan aktiviti sukan air.	19	19.0
Menyediakan kedai runcit, gerai cenderahati dan bangku/pondok rehat.	2	2.0
Menyediakan stesen minyak.	5	5.0
Menyediakan taman permainan untuk kanak-kanak.	3	3.0
Menyediakan tempat letak kenderaan.	9	9.0
Menyediakan tempat penginapan yang berdekatan.	6	6.0
Perbanyakkan gerai makanan.	13	13.0
Tingkatkan kebersihan dan keselesaan.	2	2.0
Tingkatkan rangkaian internet dan telekomunikasi.	18	18.0
<b>Jumlah</b>	<b>99</b>	<b>99.0</b>

### Perbincangan

Merujuk kepada faktor aktiviti pelancongan, majoriti responden berpendapat mereka dapat melihat pemandangan yang menarik di Tasik Gubir diikuti dengan aktiviti memancing yang menyeronokkan. Tasik Gubir dikelilingi hutan seluas 160,000 hektar ini kaya dengan berbagai khazanah semula jadi yang masih terpelihara. Tidak hairanlah ia menjadi salah satu lokasi penyelidikan WWF-Malaysia. Terdapat berbagai jenis haiwan liar, flora dan fauna, serangga, ikan air tawar dan burung boleh ditemui di Tasik Gubir. Selain itu, Tasik Gubir menjadi pintu masuk utama ke Ulu Muda Eco Park. Ulu Muda Eco Park ialah destinasi ecopelancongan yang sangat terkenal dalam kalangan pelancong dalam dan luar negara.

Manakala aktiviti memancing pula, terdapat dua kategori memancing di sini iaitu pertama bagi mereka yang mempunyai lesen menangkap ikan secara komersial dan kedua orang awam atau pelancong yang datang untuk memancing.

Bagi kategori pertama, Tasik Gubir menjadi punca pendapatan utama nelayan dan penduduk setempat yang mengusahakan bot. Pusat pengumpulan dan pengedaran ikan air tawar ini berada di bawah pengawasan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Pusat ini diuruskan oleh seorang penduduk tempatan dan dirasmikan pada 2014. Kesemua nelayan yang menangkap ikan air tawar ini adalah penduduk tempatan yang berasal dari sekitar Sik. Terdapat lebih kurang 40 buah bot nelayan di Tasik Gubir. Pada masa ini, terdapat dua persatuan berkaitan perikanan iaitu Persatuan Penyewa dan Pemilik bot dan Persatuan Nelayan.

Aktiviti-aktiviti nelayan yang sering dilakukan di tasik ini adalah seperti memancing, menjala, merawai dan memukat. Kegiatan penangkapan ikan yang dilakukan disini merupakan aktiviti turun-temurun dari generasi dahulu lagi. Kebiasaannya, para nelayan akan keluar memasang peralatan penangkapan pada waktu petang dan mereka akan mengangkat peralatan yang digunakan pada waktu pagi setiap hari. Antara ikan air tawar yang terdapat di Tasik Gubir ini ialah ikan talapia, ikan baung, ikan lampam, ikan putih, ikan haruan, ikan ketutu atau ubi dan pucuk pisang. Semua hasil tangkapan ikan akan dijual kepada peraih/pemborong yang sedia ada menunggu di pengkalan. Ikan yang ditangkap, ditimbang dan harga ikan tersebut dibayar terus kepada nelayan. Kebanyakan pelangan tetap pusat ini ialah pemborong untuk pasar tani dan juga pengusaha pekasam di sekitar Sik. Ikan segar juga dijual terus kepada pengunjung yang datang melancong.

Manakala kategori kedua, bagi orang awam atau pemancing pula, mereka disediakan perkhidmatan sewaan bot. Terdapat dua jenis bot disewa iaitu bot memancing dan bot ronda. Bot memancing disewa dengan kadar RM60 sehari (7 pagi- 7malam), RM120 sehari semalam (7pagi-7pagi), RM180 dua hari satu malam dan RM300 tiga hari dua malam. Bagi mereka yang ingin pemandu bot kadar upah adalah RM120 sehari atau RM100 untuk dua trip pergi dan balik. Kadar bot sewa untuk riadah atau ronda-ronda ialah RM30 untuk dua orang penumpang. Menurut pengunjung yang ditemu bual iaitu Encik Hashim (59 tahun), beliau dan rakan-rakan sering menyewa bot untuk memancing antara satu hingga dua malam pada hari Jumaat dan sabtu. Beliau menjadikan aktiviti memancing di Tasik Gubir ini sebagai hobi kerana berminat dengan keindahan semula jadi di Tasik ini. Beliau mengisi masa lapang dengan memancing dan akan meneruskan hobi ini sampai bila-bila. Menurut Encik Hashim lagi, ramai ‘kaki pancing’ yang datang ke Tasik Gubir dapat merasai kemeriahan aktiviti tersebut pada musim-musim tertentu. Misalnya beliau akan datang memancing pada bulan November kerana pada masa ini air tasik berkurang dan mudah untuk memancing berbanding dengan bulan lain.

Selain itu, salah seorang pemilik bot persendirian ialah Encik Ghani (52 tahun). Beliau telah kecimpung dalam perusahaan bot ini sejak 20 tahun lepas. Pada mulanya, beliau hanya menjaga bot milik orang lain namun akhirnya beliau memiliki bot sendiri. Beliau mempunyai 14 buah bot. Menurut anak jati Belantik ini, kebanyakan penyewa bot adalah pelanggan tetap. Ada juga pelancong yang datang dari Johor dan Kuala Lumpur. Ujar Encik Ghani, ‘sambutan kurang sekiranya air tasik penuh, dan sebaliknya masa air surut bot pula yang tak cukup’. Walau bagaimanapun, jumlah ikan pada masa sekarang agak berkurang berbanding dengan masa dahulu.

Menurut Encik Ghani, semasa PKP perniagaan sewa bot tidak dapat dijalankan. Kebanyakan pemilik bot dan nelayan menggunakan duit simpanan untuk meneruskan kehidupan sehari-hari.

mereka. Bila ditanya perancangan masa depan, beliau berkata akan meneruskan perniagaan sewa bot ini sehingga pencen.



**Gambar 1: Bot Nelayan Dan Bot Sewa**



**Gambar 2: Ikan Sebaru**

Selain daripada keindahan semula jadi dan aktiviti memancing, Tasik Gubir juga menjadi daya tarikan baharu kepada pelancong yang datang untuk menikmati hidangan ikan tawar. Di sini terdapat gerai yang menyediakan hidangan air tawar hasil daripada Tasik Gubir yang dihidangkan secara segar dengan pelbagai jenis masakan tempatan. Citarasa Gubir dimiliki oleh kak Zan merupakan satu-satunya kedai makan terletak di tepi tasik Gubir. Telah beroperasi sejak 17 tahun lepas menawarkan pelbagai jenis masakan ikan air tawar. Terdapat ikan baung masak gulai, masak lemak cili padi, stim/pindang dan sambal hijau pedas. Ikan talapia terdiri masakan tiga rasa, masak lemak cili padi, gulai/ stim, goreng/ masak kicap dan pindang. Ikan ketutu atau ubi pula dimasak stim, tiga rasa, gulai/masak lemak, masak kicap dan sambal. Manakala ikan pucung pisang dan ikan pekasam digoreng sahaja. Terdapat juga ikan lampam, haruan dan sebarau tetapi agak terhad.

Satu set hidangan masakan biasanya dihidangkan nasi putih dan air sirap, ikan baung masak lemak cili padi, ikan talapia masak tiga rasa, ikan putih goreng rangup, ikan pekasam digoreng bersama cili kering, sambal kicap, ulam-ulam dan sambal belacan. Set hidangan ini boleh dimakan seramai enam orang berharga RM90. Ikan yang disajikan segar, tidak berbau hanyir dan lumpur. Pelanggan juga boleh memilih ikan yang hendak dimakan dan harganya berpatutan. Waktu kedai beroperasi antara 9.00 pagi-5.30 petang. Semasa penulis sampai sekitar jam 11 pagi tidak ramai pengunjung, namun setengah jam berikutnya gerai tersebut telah penuh menerima tetamu terutama mereka yang telah membuat tempahan sebelum datang. Jika pengunjung hendak datang ke sini, mereka disarankan untuk membuat tempahan terlebih dahulu bagi mengelakkan masalah tempat duduk penuh dan juga ikan dikehendaki kehabisan stok.



Gambar 3: Hidangan Makanan

Dari segi pengunjung yang datang terdiri daripada orang awam, team bikers, pemimpin kerajaan, staf dari jabatan kerajaan dan swasta, kementerian, PDRM, Jabatan perhutanan, perhilitan, kesihatan, pendidikan, Felcra, MADA dan organisasi lain yang selalu berkunjung ke Tasik Gubir untuk menikmati keenakan ikan air tawar. Oleh itu, terdapat cadangan dari pelancong yang datang supaya pemaju menambahkan bilangan gerai makanan kerana gerai makan yang sedia ada tidak mampu menampung bilangan pelancong yang datang setiap hari.



**Gambar 4: Surau**

Berdasarkan dari survey, pelancong yang datang ke Tasik Gubir mahu pihak pemaju menyediakan aktiviti sukan air yang lain, meningkatkan rangkaian internet dan telekomunikasi, menyediakan tempat meletakkan kenderaan, tempat penginapan dan memperbanyak promosi mengenai Tasik Gubir. Kebanyakan pelancong berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan seperti tandas, surau, pondok rehat untuk pengunjung berehat dan menikmati keindahan pemandangan sekitar empangan tersebut.

### **Kesimpulan**

Jelas bahawa Tasik Gubir sememangnya mempunyai potensi yang sangat besar untuk dimajukan sebagai tempat agropelancongan perikanan air tawar di negeri Kedah. Dua faktor utama iaitu aktiviti memancing dan hidangan makanan menjadi daya tarikan dan keistimewaan Tasik Gubir berbanding dengan tasik-tasik lain di Malaysia. Aktiviti agropelancongan di Tasik Gubir bukan sahaja juga dapat menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan nelayan ikan air tawar dan penduduk luar bandar sekaligus membasmikan kemiskinan. Aktiviti-aktiviti seperti penjualan produk tempatan, pembukaan kedai makanan dan pembinaan chalet dan inap desa dilihat dapat dijadikan pendapatan tambahan kepada masyarakat tempatan. Chalet dan inap desa contohnya akan memerlukan ramai pekerja tempatan dalam operasi sehariannya. Penghasilan barang kraftangan pula membuka ruang bagi suri rumah untuk menambah pendapatan. Selain memberi manfaat positif dalam menangani masalah

pengangguran dan penghijrahan luar bandar, kerana generasi muda mempunyai peluang untuk menjana pendapatan tanpa perlu berhijrah ke bandar yang lebih besar. Objektif kajian telah dicapai apabila pendapatan penduduk meningkat dan Tasik Gubir semakin dikenal oleh penduduk luar dari negeri kedah.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan bertajuk ‘Pembentukan Kerangka Agropelancongan Islam: Ke Arah Membangunkan Potensi Pelancongan Agro Setempat Di Kedah’ yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah Geran FRGS (Fundamental Research Grant Scheme). (FRGS/1/2020/WAB08/UUM/02/1)

### **Rujukan**

- Balqis Ibrahim, Marwa Zahidah Mat Ropi, Nurizzati Zahidi, Fazlina Abdullah, Nur Illyyina, Yasmin Zulkifli & Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik (2019). *Pelancongan Islam Dan Peranannya Dalam Mempromosikan Kesejahteraan Hidup Di Negeri Terengganu Darul Iman*. Universiti Sultan Zainal Abidin: Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization.
- Farrah Wahida Mustafar, Abd Aziz A'zmi1, Norizan Mohd Noh, Nurliana Suhaini & Aimi Khairunnisa Abdul Karim (2020). *Potensi Pelancongan Di Tampin, Negeri Sembilan*. Melaka: Fakulti Sains Sosial, 1, 67-82.
- Haliza Abdul Rahman (2018). *Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special issue. 506-518.
- Laman Web Majlis Daerah Sik.
- Kementerian Pelancongan
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon (2021). *Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar*. Bangi : Faculty of Social Sciences and Humanities, 18(2), 40-55.
- Mohd Takiyuddin bin Ibrahim, Tengku Maaidah binti Tengku A Razak, Huzaimah Hj Ismail, Mohd Razlan Ahmad, Mohamad Norzamani Sahroni & Mushtak Ahmad Mustaffa (2020). *Kepatuhan Syariah Dalam Pelancongan Alam Semulajadi*. Universiti Teknologi MARA: Akademi Pengajian Islam Kontemporari.
- Najwa Musain Musli @ Thomas & Jabil Mapjabil (2020). Ciri Pengeluaran Dan Kepelbagai Produk Berasaskan Agropelancongan Kopi Di Tenom, Sabah. International Journal Of Modern Trends In Social Sciences (Ijmtss). Volume 3 Issue 14 (December 2020) Pp. 149-161. Doi 10.35631/Ijmtss.3140012
- Rosniza Aznie Che Rose & Mohamad Afendi AR (2017). *Penanaman Anggur Dan Pengaruh Keatas Kesejahteraan Hidup Masyarakat Di Sik, Kedah*. Bangi : Faculty of Social Sciences and Humanities, 2, 125-134.
- Salmah Omar, Nor Hanani Ismail, Mohamad Khadafi Hj Rofie, Zulhilmi Paidi dan Zawiyah Mohd Zain (2022, 22-23 Jun). Potensi Agropelancongan Di Sik Kedah: Satu Pengamatan Awal. Prosiding PASAK7. KUIS.
- Siti Salina Masdey & Zuliskandar Ramli (2018). *Potensi Pembangunan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Bandar Hilir, Melaka : Analisis Swot*. Institute of the Malay World and Civilization: Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre, 2(1), 253-265.

Sumin Kim, Seul KiLee, Dongmin Lee, Jaeseok Jeong & Jungjoon Moon (2019) The effect of agritourism experience on consumers' future food purchase patterns. *Tourism Management*, 70, 144-152.

Wojcieszak-Zbierska M.M., Jeczmyk, A., Zawadka, j. & Ugills, J. (2020). Agritourism in the Era of the Coronavirus (COVID-19): A Rapid Assessment from Poland, *Agriculture* **2020**, 10(9), 397-416.

Zulayti Zakaria & Ang Kean Hua (2022). Pembangunan produk budaya Melayu sebagai sektor pelancongan di Malaysia. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH)(e-ISSN : 2504-8562). Volume 7, Issue 11, e001967.

### **Temu bual**

En. Hashim, 9 Oktober 2022, Tasik Gubir, Sik Kedah

En. Ghani, 9 Oktober 2022, Tasik Gubir, Sik Kedah